

**PENILAIAN IMPAK SOSIAL KAWASAN PENGUSAHASILAN DI KOMPARTMENT
114, HUTAN SIMPAN PASOH SELUAS 43 HEKTAR
Sebelum Pengusahasilan**

PELESEN : AGENDA BERKAT SDN. BHD.

Penilaian telah dilaksanakan melalui soal selidik yang dijalankan terhadap penduduk Kampung Orang Asli Sungai Lui, iaitu penempatan yang terletak paling hampir dengan kawasan pengusahasilan yang dicadangkan. Hasil soal selidik tersebut menunjukkan bahawa seramai tujuh (7) orang responden telah memberikan maklum balas seperti berikut:

BIL.	NAMA RESPONDEN	ALAMAT
1	Syed Mohd Faiz	Kampung Sungai Lui
2	Muhamad Ramdan	Kampung Sungai Lui
3	Masman bin Mahayat	Kampung Sungai Lui
4	Asai bin Patik	Kampung Sungai Lui
5	Zamizah Juros	Kampung Sungai Lui
6	Nazerin bin Hanafi	Kampung Sungai Lui
7	Muhd Fauzi bin Basha	Kampung Sungai Lui

Ulasan dan Syor:

Berdasarkan soal selidik dan pemerhatian yang telah dijalankan, analisis keseluruhan menunjukkan bahawa sebanyak 58% responden berpendapat aktiviti pengusahasilan yang akan dilaksanakan berpotensi memberikan kesan negatif terhadap aspek sosioekonomi, alam sekitar dan aspek-aspek lain yang berkaitan. Sementara itu, sebanyak 42% responden berpendapat aktiviti pengusahasilan tersebut berpotensi memberikan kesan positif terhadap aspek sosioekonomi, alam sekitar serta aspek-aspek lain yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, aktiviti pengusahasilan yang akan dilaksanakan adalah berdasarkan kaedah tebangan memilih. Sehubungan itu, pihak pelesen hendaklah sentiasa mematuhi semua peraturan dan syarat yang sedang berkuat kuasa, khususnya yang berkaitan dengan pemeliharaan alam sekitar, bagi memastikan aktiviti pengusahasilan dilaksanakan secara mampan dan tidak menjejaskan kelestarian kawasan hutan.

Oleh yang demikian, pejabat ini tidak mempunyai halangan terhadap pelaksanaan aktiviti pengusahasilan tersebut, dengan syarat ia dilaksanakan selaras dengan prinsip Sistem Pengurusan Hutan Secara Lestari serta mematuhi peruntukan Akta Perhutanan Negara 1984 dan peraturan-peraturan yang sedang berkuat kuasa.